

Headline	Matlamat tidak tercapai tanpa sokongan masyarakat		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	21 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,509
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,527



Kempen kawalan HIV, Aids

Matlamat tidak tercapai tanpa sokongan masyarakat

Lagatah Toyos

SEMPORNA: Masyarakat diseru agar terus memberikan sokongan padu dan berterusan dalam kempen pendidikan, pencegahan dan kawalan HIV/Aids kata Pegawai Daerah Semporna, Dr. Chacho Bulah.

Ini, katanya agar matlamat penganjuran kempen berkenaan dapat dicapai dan masyarakat memainkan peranan penting dalam membendung jangkitan penyakit membawa maut itu.

"Tanpa penglibatan aktif semua pihak, usaha membendung jangkitan HIV/Aids tidak akan tercapai.

"Kesedaran dan pengetahuan yang ada akan dapat memperkasakan masyarakat dan individu dalam memastikan tindakan pencegahan sewajarnya dapat diambil," katanya semasa berucap merasmikan Sambutan Hari Aids Sedunia 2016 peringkat Semporna di sini, Selasa.

Menurutnya, negara berjaya mengurangkan jangkitan HIV walaupun epidemik ini kekal mendatar sejak 2010 dan dijangka akan terus mendatar sehingga 2030 dengan aktiviti pencegahan dan kawalan sedia ada.

Jelasnya, ini bermakna dianggarkan 3,000 kes baharu HIV akan terus dilaporkan setiap tahun sehingga 2030 jika

tiada tindakan peningkatan dilakukan dan pastinya inisiatif baharu dalam usaha berterusan mengekang jangkitan HIV/Aids perlu dilaksanakan.

"Kerajaan pada dasarnya akan terus meneraju kepimpinan dan memberikan komitmen dalam menangani HIV/Aids di samping akan terus menjadi penyumbang dana terbesar dalam membiayai pelaksanaan program pencegahan dan kawalan HIV/Aids.

"Badan korporat, khususnya pertubuhan bukan kerajaan juga amat dialu-alukan terlibat lebih aktif dan memberi sumbangan dana dalam melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan HIV/Aids," tambahnya.

Dr. Chacho berkata, bagi menamatkan kes Aids di negara ini, kita perlu menurunkan 90 peratus daripada jangkitan kes baharu HIV pada 2010.

Bagi tujuan tersebut, katanya, kita perlu memastikan sasaran 90-90-90 menjelang 2020 dapat dicapai iaitu 90 peratus daripada pengidap HIV mengetahui status HIV mereka dan daripada jumlah tersebut, 90 peratus menerima rawatan dan seterusnya daripada jumlah yang menerima rawatan ini, 90 peratus daripada mereka menunjukkan supresi virus HIV,



DR Chacho (keempat dari kiri) merakamkan gambar kenangan bersama pegawai kesihatan terlibat.